

BN perlu ubah strategi

Perdana Menteri berkata, BN perlu menyedari bahawa masyarakat hari ini lebih ganas dan tidak lagi mengutamakan kepentingan negara, bahkan ada di antara mereka yang menjadi penyokong atau tali barut bangsa-bangsa asing.

"Sebab itu apabila sahaja mereka menghadapi masalah, mereka akan mencari sokongan orang asing. Mereka tidak mempunyai sentimen sayang kepada negara, tidak ada patriotisme di kalangan mereka. Hanya yang mereka lihat ialah kemungkinan mereka dapat merebut kuasa," tegasnya.

Justeru, tegasnya, BN tidak boleh selesa berada seperti sekarang ini yang mana hubungan antara parti komponen hanya wujud semasa pilihan raya dan dalam acara-acara tertentu sahaja.

Katanya, kerjasama erat antara parti komponen perlu diwujudkan sepanjang masa dan di semua peringkat dengan mengadakan mesyuarat bersama yang lebih kerap dan tidak hanya menumpukan kepada masalah dalam parti masing-masing.

"Sekarang ini, kita hendak parti komponen BN merapatkan diri, lebih dekat dan lebih kerap bertemu dan memahami masalah masing-masing serta cuba menyelesaikan masalah itu secara bersama," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat BN di semua peringkat hendaklah diadakan dengan kerap dan di peringkat negeri, mesyuarat hendaklah diadakan tidak kurang dari dua kali setahun atau lebih baik lagi, empat kali setahun supaya hubungan dapat dirapatkan.

Katanya, Dewan Tertinggi BN akan merangka garis panduan supaya semua 13 pemimpin parti komponen dapat memahami peranan yang perlu dimainkan bagi mengukuhkan BN.

"Bermula dari sekarang, kita perlu tentukan BN berfungsi lebih sebagai sebuah parti daripada gabungan parti-parti. Inilah pendekatan yang akan dibuat oleh kita untuk menangani keadaan negara di mana sentimen masyarakat sudah berubah dan tidak lagi terhetang budi kepada pejuang-pejuang kemerdekaan dan kerajaan yang membangunkan negara ini," katanya.

Ikhlas dan jujur

Dalam ucapan selama satu jam 10 minit itu, Dr. Mahathir menegaskan, kerjasama tersebut hendaklah dilakukan dengan ikhlas dan jujur, bukannya olok-olok atau bersandiwara.

"Saya sebutkan ini kerana apabila kita buat ini, tak lama lagi barisan tiruan (pakatan pembangkang) pun akan cuba meniru kita kerana orang ini (pembangkang) tidak ada sesuatu yang diciptanya sendiri.

"Dia (pembangkang) tunggu sahaja, orang lain buat, barulah dia ikut. Itu pun tidak secara benar dan tulen, cuma untuk mengabui mata rakyat," tegas beliau.

Kata Dr. Mahathir, wakil-wakil rakyat BN juga perlu memberi perhatian dan mengambil kira kepentingan semua kaum di kawasan yang diwakilinya dan tidak hanya kepada kaum atau partinya sahaja.

"Sekarang ini kita dengar banyak yang tidak senang hati dengan wakil rakyat BN kerana tiap-tiap seorang wakil rakyat menumpukan perhatiannya kepada kaumnya sahaja, tidak membuat lawatan bertemu dan mendengar rintihan daripada kaum lain," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, parti-parti komponen tidak perlu terlalu mengutamakan kaumnya sahaja kerana BN sedang memberi penekanan kepada pembentukan bangsa Malaysia kerana ia adalah matlamat BN.

Beliau memberi contoh parti-parti komponen di Sabah yang tidak menghadkan parti kepada kaum tertentu sahaja, sebaliknya menerima ahli daripada semua kaum termasuk UMNO Sabah yang menerima kemasukan kaum Kadazan dan Cina.

Pengerusi BN itu yakin BN akan menjadi satu parti akhirnya dan bukan lagi satu parti campuran seperti sekarang tetapi ia tentunya memerlukan masa yang panjang kerana sukar untuk menghapuskan rasa curiga antara kaum-kaum.

Katanya, untuk menuju ke arah itu, usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan ekonomi semua kaum supaya setaraf kerana dengan tahap ekonomi yang setara, perasaan curiga akan dapat dikurangkan dan kerjasama akan dapat ditingkatkan.